

## **BAB KELIMA**

### **RUMUSAN DAN SARANAN KAJIAN**

#### **5.0 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan dapatan utama daripada kajian berdasarkan hasil daripada analisis, temubual dan pandangan peribadi yang telah dibuat oleh penulis pada bab yang keempat. Bab kelima ini akan memberi fokus kepada ringkasan dapatan kajian dan rumusan, diikuti cadangan kajian lanjutan berkaitan dengan tajuk kajian serta diakhiri dengan kesimpulan.

#### **5.1 RUMUSAN**

Daripada kajian mengenai sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan khususnya peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT di Batalion Ke-21 RAMD mendapati bahawa:

- a. Perkhidmatan keagamaan di dalam ATM telah bermula sezaman dengan permulaan perkhidmatan ketenteraan Malaysia. Peranan tenaga agama selaku pembimbing hal ehwal keagamaan terus diberi kepercayaan untuk membimbing warga muslim ATM menuju matlamat wawasan perjuangan suci berteraskan prinsip-prinsip keislaman. Peranan kakitangan agama pada ketika itu lebih bersifat memberi perkhidmatan urusan keagamaan seperti pengurusan hal ehwal nikah cerai, pengurusan kematian, majlis ibadat dan sedikit khidmat bimbingan.

b. Tertubuhnya KAGAT pada 16 April 1985, perkhidmatan agama tidak lagi bersifat pinggiran. Peranan dan penugasannya semakin bertambah dan besar. Anggota KAGAT terlibat secara langsung dengan aktiviti latihan, mengurus aspek pentadbiran, mengemas kini hal ehwal organisasi dan perkhidmatan sama ada ketika latihan, operasi atau penugasan PBB. Ia mula memasuki era profesional berikutan pengiktirafan KAGAT sebagai salah sebuah Kor dalam Tentera Darat Malaysia. Peranan KAGAT tidak terbatas dalam ATM sahaja malah telah menjangkau ke peringkat nasional dan antarabangsa seumpama menyertai Misi Penugasan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Namibia, Kemboja, Somalia Bosnia dan Lubnan.

c. Bidang ketenteraan juga merupakan satu aspek penting dalam Islam dan merupakan sesuatu yang diperintah oleh Allah S.W.T. kepada setiap umat Islam. Dengan penerapan nilai-nilai Islam yang terbukti mampu membentuk masyarakat Arab Jahiliyah menjadi pejuang-pejuang Islam yang unggul, penulis berharap tiupan rohani Islam melalui pelaksanaan aktiviti keagamaan oleh warga KAGAT akan menjelma di setiap sudut hati nurani anggota tentera yang sekaligus menjadi senjata yang paling efisien dalam membentengi umat dan negara ini dari sebarang ancaman musuh.

d. Selain itu, penulis juga telah merumuskan bahawa KAGAT telah berjaya dan cemerlang dalam memainkan peranannya dalam melaksanakan aktiviti keagamaan. **Ini jelas apabila 90% responden iaitu 18 orang yang merangkumi daripada Pegawai dan 91.7% responden yang terdiri daripada 165 anggota LLP mengakui dan menyokong penuh bahawa penubuhan KAGAT adalah suatu keperluan dalam ATM (Lihat Jadual**

4.7). Kenyataan ini turut disokong dengan fakta **bahawa 90% daripada responden pegawai dan 96.1% daripada anggota yang menyatakan bahawa KAGAT telah berjaya memberi sumbangannya dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan. 5% daripada pegawai serta 1.7% daripada anggota tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan seorang daripada pegawai serta 4 orang daripada anggota tiada kepastian.** Ini juga dapat dikesan oleh penulis hasil daripada perbandingan yang dijalankan terhadap temubual dan kaji selidik sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan dari sudut ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak, motivasi misalnya KAGAT telah berjaya mengawal anggota ATM daripada terjebak kepada aktiviti tidak bermoral seperti minum arak. Selain itu KAGAT juga menjadi rujukan kepada anggota berkenaan isu-isu agama seperti persoalan kahwin, penceraian dan sebagainya.(Rujuk analisa temubual di dalam Soalan 3).

## **5.2 SARANAN DAN CADANGAN KAJIAN**

Setelah perbincangan dan perbahasan panjang dilakukan oleh penulis, di sini penulis ingin memberikan beberapa saranan dan cadangan bagi mencari jalan terbaik ke arah pelaksanaan aktiviti keagamaan dengan lebih berkesan.

### **5.2.1 Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Contoh**

KAGAT hendaklah menyediakan satu manual atau buku rujukan contoh yang terbaik hasil Pemeriksaan Tadbir Tahunan pelaksanaan aktiviti keagamaan yang telah dibuat saban tahun daripada setiap perkhidmatan serta diberi penganugerahan terhadap kejayaan tersebut. Buku rujukan tersebut hendaklah merangkumi di antaranya adalah

seperti sejarah pasukan, objektif, misi dan visi, penglibatan operasi, latihan dan eksesais serta pelaksanaan aktiviti dan ianya diperkukuhkan lagi dengan memastikan bahawa penganjuran dan pelaksanaan aktiviti keagamaan tersebut adalah dengan mengikuti Arahan Pentadbiran KAGAT, Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas serta mengikuti juga format atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh PMAT 9/91 terhadap pelaksanaan aktiviti keagamaan yang telah dilaksanakan, di samping ianya juga tidak bertentangan dengan arahan semasa daripada majlis agama setempat. Ini dianggap perlu sebagai satu rujukan yang dijangka mampu menangani kesulitan bukan sekadar warga KAGAT malah kepimpinan atasan sebagai panduan dan rujukan di dalam mengimplimentasikan pelaksanaan aktiviti keagamaan dalam pasukan masing-masing.

### **5.2.2 Perancangan Aktiviti**

Ketiadaan perancangan awal akan menyebabkan kekaburan maklumat, peruntukan sumber-sumber dengan tidak betul, kesilapan meletakkan keutamaan serta kehilangan arah dan tujuan. Untuk itu warga KAGAT dan pihak kepimpinan pasukan terutamanya Pegawai Memerintah perlu mempunyai dan memiliki hubungan baik serta daya kefahaman dan kepimpinan Islam, agar dapat merancang aktiviti yang bersesuaian dan berkesan untuk seluruh warga pasukan mengikut kesesuaian perjalanan aktiviti pasukan sama ada ketika operasi, latihan dan eksesais mahupun ketika aman. Anggota KAGAT perlu menilai dan mengkaji semula aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Aktiviti tersebut juga perlu diperbanyak mengikut kesesuaian dan dipersembahkan dalam bentuk baru yang lebih menarik agar ianya tidak kelihatan statik. Misalnya di dalam program kuliah supaya menjemput penceramah luar yang terkenal di kalangan masyarakat. Setiap aktiviti yang dilaksanakan hendaklah dibuat '*Follow Up*' dan '*Post Mortem*' untuk melihat sejauh manakah kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud,

agar ianya dapat diperbaiki pada masa hadapan dan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan program keagamaan tersebut. Aktiviti tersebut juga diatur dengan baik dan dihebahkan melalui jaringan maklumat seperti internet, sistem pesanan ringkas (SMS), risalah dan sebagainya.

### **5.2.3 Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM)**

Kewangan merupakan salah satu keperluan asas dan penting dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan dalam pasukan kebanyakannya adalah dengan menggunakan peruntukkan kewangan dari Tabung Masjid dan Tabung Kebajikan Unit. Bagi mencapai hasrat dan pelaksanaan tersebut agar lebih sistematik dan berkesan, ATM perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membiayai setiap program yang dilaksanakan. Untuk itu, warga KAGAT perlu merancang keperluan ABM bagi pelaksanaan aktiviti keagamaan mengikut dan berdasarkan perancangan aktiviti yang telah dibuat bagi sesebuah pasukan serta menyalurkan dan memastikan permohonan tersebut dihantar kepada pihak atasan bagi mendapat kelulusan.

### **5.2.4 Kualiti Anggota KAGAT**

Dalam mengharungi arus perjuangan yang bersifat profesional ini, warga KAGAT sememangnya memerlukan wadah dan prinsip perjuangan yang jelas, etika perkhidmatan yang mantap dan menyeluruh serta pedoman dakwah yang berkesan untuk membolehkan mereka berperanan bagi mencapai objektif umum dan operasi serta

dapat merealisasikan misi perkhidmatan dan misi dakwah khususnya dalam ATM. Mereka perlu memahami peranan, fungsi dan prinsip perjuangan dengan jelas agar dengan itu kehadiran mereka dalam pasukan tidak sekadar menjadi pelakon tambahan, malah kehadiran mereka mesti ditonjolkan sebagai individu penting yang mampu melaksanakan peranan yang diberikan.

Semua anggota KAGAT perlu memperjelas dan menonjolkan imej diri sebagai anggota KAGAT. Mereka tidak perlu berselindung dibalik pakaian seragam ketenteraan untuk menyembunyikan, bahawa mereka adalah *daei askari* dalam menyebarkan Islam terutamanya di kalangan warga tentera di mana sahaja mereka berada, dihari bercuti mahupun kerja. Penampilan diri selaku *daei askari* merupakan modal utama dan hendaklah dibuktikan dengan amal dan tauladan di dalam kehidupan seharian. Kemampuan dalam penampilan kerja seharian dengan cekap dan penuh komitmen di samping bekerja secara berpasukan akan menjelaskan kepada masyarakat, bahawa KAGAT adalah sebuah Kor yang profesional. Anggota KAGAT perlu sedar bahawa mereka adalah pendakwah atau kader-kader penggerak Islam yang sentiasa dijadikan contoh dalam setiap perilaku dan gerak kerja mereka seharian. Justeru itu, latihan serta pengalaman perlu diberikan kepada anggota KAGAT untuk berhadapan dengan cabaran akan datang.

### **5.2.5 Kekuatan Keanggotaan**

Kekuatan keanggotaan KAGAT di kebanyakan batalion atau farmasi memiliki bilangan staf yang terhad dan terdapat banyak kekosongan yang belum diisi. Untuk itu, memenuhi perjawatan mengikut tugas pangkat terutamanya Anggota Kanan bagi pentadbiran keagamaan, pengurusan pejabat dan masjid serta surau adalah dicadangkan

agar perjawatan KAGAT di batalion dibuat kajian semula bagi mengimbangi kekuatan keanggotaan di sesebuah pasukan atau unit terutamanya apabila pasukan atau unit tersebut melakukan operasi. Batalion tersebut akan dipecahkan kepada Kompeni Alpha, Bravo, Charlie dan Delta. Setiap Kompeni ini akan dipecahkan pula kepada Platun yang lebih kecil dan ini akan memerlukan kepada anggota KAGAT yang lebih ramai untuk diletakkan di setiap penempatan yang telah dinyatakan. Perjawatan staf KAGAT yang mencukupi akan memungkinkan pengagihan tugas dapat dilakukan dengan lebih tersusun dan tidak berlaku penindasan penugasan di antara satu sama lain. Di samping itu, ia akan dapat melicinkan pentadbiran dan tugas yang dilaksanakan agar ianya tidak terlalu membebankan pelaksanaan setiap program atau aktiviti juga berlaku secara lebih terkawal.

#### **5.2.6 Penglibatan Pegawai Atasan**

Dakwah Islamiah hendaklah disampaikan kepada semua peringkat masyarakat tanpa mengira pangkat mahupun kedudukan. Dalam usaha dakwah ini terutamanya dalam masyarakat tentera, unsur-unsur diskriminasi hendaklah dihapuskan langsung. Fokus utama dakwah hendaklah disasarkan kepada semua peringkat anggota tentera terutamanya kepada para pegawai atasan kerana mereka merupakan pemimpin dan mempunyai pengaruh yang sangat besar kepada golongan anggota bawahan di dalam angkatan tentera. Kaedah *top to down* sangat penting kerana ia akan menjadi ikutan kepada anggota bawahan apabila pegawai atasan melibatkan diri dengan program KAGAT. Antara kaedahnya adalah dengan menggalakkan serta mewajibkan pegawai atasan terlibat secara langsung di dalam perancangan aktiviti serta perlaksanaannya.

#### **5.2.7 Melipatgandakan Program BAKAT dan Remaja**

Kita sedia maklum bahawa institusi keluarga adalah merupakan asas kepada sesebuah masyarakat bagi melahirkan generasi yang bertaqwa dan beramal soleh, tidak terkecuali warga angkatan tentera. Bermula dari sinilah, akan melahirkan *jundullah* (tentera/petugas Allah) yang sedia berkorban dari kalangan warga angkatan tentera. Untuk itu, program keagamaan yang dilaksanakan hendaklah melibatkan isteri dan anak-anak anggota tentera agar mereka turut mendapat didikan keagamaan dengan secukupnya dan terhindar daripada gejala-gejala yang tidak diingini. Fenomena terjebak atau memiliki gaya hidup yang tidak sihat serta jauh daripada hidayah Allah S.W.T. boleh mengancam pembangunan dan kesejahteraan hidup berkeluarga di kalangan anggota tentera. Permasalahan ini juga boleh menjejaskan masa depan sesebuah organisasi angkatan tentera, kerana diganggu gugat oleh anggota yang memiliki keluarga yang rosak akhlak. Ibu bapa warga tentera akan berhadapan dengan pelbagai masalah seperti tekanan hidup dan kehabisan harta benda kerana ancaman kehendak nafsu jahat di kalangan mereka, terutamanya anak-anak andai kata mereka tidak mendapat pentarbiahan yang secukupnya. Program berbentuk anak-anak dan remaja perlu diperbanyakkan di samping berbentuk kekeluargaan. Misalnya menganjurkan seminar pengurusan kekeluargaan dan anak-anak, seminar keluarga bahagia dan sukaneka bersama keluarga.

### **5.2.8 Mengeratkan Silaturrahim**

Dalam sistem masyarakat Islam dan realiti kehidupan, tidak dapat dinafikan bahawa individu muslim bertanggungjawab terhadap jiran. Keprihatinan, kepekaan dan keakraban serta tuntutan untuk berbuat baik kepada jiran adalah menjadi tuntutan dalam memenuhi hak-hak kemanusiaan. Jalinan kasih sayang dan persaudaraan Islam yang



mampan serta utuh ini akan memudahkan dan melahirkan satu perasaan atau semangat untuk hidup bersama dalam satu kelompok, berbaik-baik, saling hormat menghormati dan bantu membantu terutamanya dalam soal *'amal ma'ruf wa nahyu 'an al- munkar*.

Apabila keadaan atau suasana ini wujud, ianya akan banyak membantu dan memudahkan penglibatan anggota dalam aktiviti yang dianjurkan terutama aktiviti keagamaan. Hubungan yang baik dan erat di kalangan anggota KAGAT dengan masyarakat setempat akan memudahkan penglibatan dan penyertaan serta perkongsian permasalahan yang mereka alami tanpa merasa malu, segan dan terasing. Untuk mewujudkan hubungan yang baik ini, aktiviti berbentuk pertemuan secara langsung (usrah) dan dilaksanakan secara berkala wajar dilaksanakan. Ini kerana di dalam pertemuan ini dapat mengeratkan hubungan persaudaraan di samping mengadakan program ziarah mesra dan menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh anggota seperti majlis perkahwinan, akikah, korban dan sebagainya.

### **5.2.9 Mempertingkatkan Hebahan**

Setiap program keagamaan yang dianjurkan terutamanya kepada umum hendaklah dipromosikan secara besar-besaran dan menyeluruh agar dengan yang demikian masyarakat yang dahagakan ilmu keagamaan boleh menghampirkan diri mereka kepada Allah S.W.T. dan dapat mengikutinya dengan sebaik mungkin. Bagi masyarakat tentera ianya hendaklah diistiharkan di dalam PERBAH 1 pasukan dan disertakan dengan senarai nama anggota setiap lapisan sama ada Pegawai, PTT Kanan dan Kpl ke bawah mengikut kuota yang telah ditetapkan. Hebahan juga boleh dibuat melalui pembesar suara masjid pada setiap hari Jumaat dan tanoi oleh anggota bomba atau anggota bertugas serta penyediaan *bunting* yang dipasang dilokasi-lokasi yang

strategik di samping iklan-iklan yang dipasang di setiap papan kenyataan dan peti surat penghuni blok atau kuarters. Penggunaan teknologi maklumat secara maksimum serta hebahan alam maya juga sangat penting untuk maklumat yang cepat dan terkini. Hebahan ini akan lebih berkesan apabila dipantau dan diambil berat oleh Pegawai Memerintah.

#### **5.2.10 Pendekatan secara Menyeluruh**

Program-program keagamaan yang dianjurkan hendaklah dibuat dengan lebih menyeluruh iaitu dengan melibatkan kesemua lapisan masyarakat tentera sama ada anggota tentera itu sendiri, isteri dan anak-anak mereka serta masyarakat awam yang berkerja dengan tentera dan masyarakat awam yang berada di sekitar kem tersebut.

#### **5.2.11 Penghuraian PMAT 9/91**

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia (DPMKI ATM) atau lebih dikenali sebagai Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 9 Tahun 1991 (PMAT) 9/91) telah digubal pada 20 Mei 1991 untuk dilaksanakan sepenuhnya di semua formasi dan pasukan di ketiga-tiga perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Dasar ini telah mewajibkan setiap anggota Tentera Malaysia yang beragama Islam di sepanjang perkhidmatannya menerima pendidikan khas untuk pembinaan mental dan spiritual Islam sekurang-kurangnya selama 587 jam setahun seperti yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, mereka dikehendaki mematuhi ajaran agama Islam dengan sepenuhnya dan menghayatinya dengan penuh kesedaran dan keinsafan.

Setelah sekian lama dasar tersebut dikeluarkan, didapati pelaksanaannya masih tidak dapat berjalan dengan secara lancar, berkesan dan bersistematik walaupun telah wujud satu garis panduan yang boleh dikatakan terperinci untuk membantu formasi dan pasukan melaksanakan dasar tersebut. Keadaan bertambah mendukacitakan apabila kebanyakan warga ATM muslim tidak mengetahui kewujudan dan memahami perintah atau kehendak PMAT 9/91 tersebut. Untuk itu, KAGAT hendaklah berusaha untuk membuat pendedahan yang bersistematik dan terancang sama ada melalui bengkel, seminar, pendedahan di pusat-pusat latihan di semua formasi dan pasukan di ketiga-tiga perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia daripada peringkat bawahan sehinggalah ke pimpinan atasan tertinggi iaitu Panglima Angkatan Tentera.

### **5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian yang telah dilakukan oleh penulis adalah berkaitan dengan analisis sumbangan KAGAT dalam aktiviti keagamaan. Namun demikian, fokus utama kajian penulis hanyalah perbincangan di Batalion Ke-21 RAMD. Oleh itu, kajian yang dibuat oleh penulis adalah sekelumit kecil dari ATM yang berpayung di bawahnya tiga perkhidmatan yang besar iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Maka, kajian selanjutnya boleh dibuat terhadap Markas Formasi yang lebih besar seperti Briged dan Division yang memiliki kuasa pemerintahan yang lebih besar di bawah pemerintahan setiap perkhidmatan. Kajian juga boleh dibuat terhadap Kor Agama Angkatan Tentera itu sendiri.

### **5.4 PENUTUP**

Sebagai penutup kepada kajian ini, penulis ingin menegaskan bahawa KAGAT boleh dikatakan telah berjaya dan cemerlang dalam memberi sumbangan terhadap aktiviti keagamaan kepada warga ATM khususnya Batalion Ke-21 RAMD. Namun begitu, tidaklah bererti warga KAGAT boleh mendabik dada, tidur lena bermimpi indah di siang hari dan merasa bangga dengan apa yang ada, sebaliknya warga KAGAT mesti menggandakan lagi usaha tanpa mengenal erti menyerah dalam memastikan *hadafnya* tercapai sebagai pemangkin kerohanian ATM. KAGAT perlu mencari dan menggunakan beberapa kaedah dakwah yang lebih berkesan, supaya sumbangan yang dihulurkan kepada masyarakat warga ATM berkesan dengan lebih mendalam.

Sebagai umumnya, KAGAT perlu mempelbagaikan dan melipatgandakan lagi program untuk warga ATM dan masyarakat awam setempat. Ini kerana, ianya dapat memberi kesan yang lebih meluas di samping dapat memperkenalkan KAGAT di kalangan warga ATM terutamanya masyarakat awam dengan lebih menyeluruh lagi. Penulis juga mencadangkan agar kajian seumpama ini dilanjutkan lagi kepada unit-unit lain di dalam ATM, iaitu bukan sekadar unit KAGAT semata-mata, bahkan unit lain yang penting juga perlu melaksanakan kajian seperti ini.